

**SYIAR ISLAM DALAM KONTEKS PERBANDARAN (AL-  
IMRANIYYAH) MAJMUK: SUATU PEMERHATIAN TERHADAP  
LAHIRIAH BANDAR KUANTAN, PAHANG (LALUAN BUKIT  
PELINDUNG KE JAMBATAN TANJUNG LUMPUR)**

***ISLAMIC SYMBOLS (SYIAR) IN THE CONTEXT OF A  
PLURALISTIC URBAN ENVIRONMENT (AL-IMRANIYYAH): AN  
OBSERVATION ON THE EXTERNAL MANIFESTATIONS IN  
BANDAR KUANTAN, PAHANG (BUKIT PELINDUNG TO  
JAMBATAN TANJUNG LUMPUR ROUTE)***

**Siti Hafizah Mohamad Nazeer<sup>1</sup> Mohd Faizal Abdul Khir<sup>2</sup>, Mardhiah Ahmad Sahimi<sup>3</sup>, Abdul  
Aziz Syed Ali<sup>4</sup>**

<sup>1</sup>Faculty of Islamic Studies and Science Social, Universiti Sultan Azlan Shah, Malaysia

**Abstrak**

Kajian ini meneliti manifestasi syiar Islam dalam konteks perbandaran majmuk di Kuantan, Pahang. Menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dengan penerapan metode pemerhatian lapangan, dokumentasi dan analisis tematik, kajian ini menilai sejauh mana unsur lahiriah di kawasan tersebut mencerminkan nilai keislaman dan lawan nilai keislaman. Data dikumpulkan sepanjang laluan utama iaitu dari Bukit Pelindung ke Jambatan Tanjung Lumpur. Ia melibatkan pemerhatian terhadap masjid, surau, institusi perbankan Islam, serta simbol dan aktiviti yang bertentangan dengan nilai Islam. Analisis data dilakukan menggunakan gabungan metode induktif, deduktif dan tematik bagi mengenal pasti corak dan perbandingan antara aspek keislaman dan lawan keislaman. Dapatan kajian menunjukkan ketidakselarasan yang ketara, di mana elemen dan nilai bukan Islam jauh melebihi simbol Islam dengan nisbah 50 :9. Hal ini menunjukkan ketidakseimbangan dengan kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan serta realiti penduduk Malaysia yang majoritinya beragama Islam. Kajian ini menegaskan keperluan memperkukuh keterlihatan syiar Islam di ruang awam melalui pembinaan masjid, surau, monumen dan papan tanda Islam, serta kawalan terhadap iklan dan aktiviti yang bertentangan dengan nilai Islam agar pembangunan bandar dan pelancongan selaras dengan asas Islam di Malaysia.

Kata Kunci: Islam; Syiar; Kuantan Pahang; Perbandaran; Majmuk.

**Abstract**

*This study examines the manifestation of Islamic symbols within the context of a pluralistic urban environment in Kuantan, Pahang. Using a qualitative research design incorporating field observation, documentation, and thematic analysis*

*Perkembangan Artikel*

Diterima: 27 Februari 2026

Disemak: 7 April 2026

Diterbit: 30 April 2026

*\*Corresponding Author:*

Siti Hafizah Mohamad Nazeer,  
Faculty of Islamic Studies and  
Science Social, Universiti Sultan  
Azlan Shah.

Email:

sitihafizah.nazeer@usas.edu.my

*methods, the study evaluates the extent to which the external features of the area reflect Islamic and non-Islamic values. Data were collected along the main route from Bukit Pelindung to Jambatan Tanjung Lumpur involving observations of mosques, suraus, Islamic banking institutions, as well as symbols and activities that contradict Islamic values. Data analysis employed a combination of inductive, deductive, and thematic methods to identify patterns and comparisons between Islamic and non-Islamic aspects. The findings reveal a significant imbalance, where non-Islamic symbols and elements far exceed Islamic ones, with a ratio of 50 :9. This situation contradicts the position of Islam as the religion of the Federation and the reality of Malaysia's predominantly Muslim population. The study emphasizes the need to strengthen the visibility of Islamic symbols in public spaces through the construction of mosques, suraus, Islamic monuments, and signboards, as well as the regulation of advertisements and activities that oppose Islamic values, ensuring that urban and tourism development aligns with the Islamic foundation of Malaysia.*

*Keywords: Islam; Symbol; Kuantan Pahang; Urbanization; Diversity.*

## **PENGENALAN**

Nazri Muslim & Ahmad Hidayat Buang (2012) menyatakan definisi Islam dalam perlembagaan Persekutuan berkait rapat dengan kepercayaan dan pegangan majoriti penduduk Malaysia yang memutuskan kedudukan Islam adalah tinggi dan mengatasi agama lain. Selain itu, Mohd Izhar Ariff Mohd Hashim & Alias Azhar (2010) menyatakan bahawa, Malaysia sebagai sebuah negara yang meletakkan Islam sebagai agama rasmi adalah merupakan suatu realiti yang tidak boleh disanggah. Namun begitu dari sudut yang lain, menurut Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim et al. (2012) Malaysia juga adalah merupakan negara dengan masyarakat majmuk dengan pelbagai bangsa dan agama dengan hak yang jelas termaktub dalam perlembagaan. Abdullah Md Zin (2013) berpandangan bahawa, dalam mengimbangi dua keadaan ini, kedudukan syiar Islam perlu dimartabatkan. Sebabnya adalah pada satu sudut dilihat adanya elemen yang jelas terzahir menunjukkan syiar Islam dan dalam masa sama terzahir jelas elemen yang bertentangan dengan syiar Islam seperti iklan dan penjualan arak begitu juga pesta arak sepertimana yang dilaporkan oleh Hayati Ibrahim (2017) dan Hidayah Hairom (2018). , batasan pakaian yang amat longgar sebagaimana yang didedahkan di dalam laman sesawang Rough Guides (t.t) dan aktiviti maksiat seperti judi dan pelacuran sepertimana yang dinyatakan oleh Noor Mohamad Syakil Hameed (2016) dan Rose Jacob (2008).

Walau bagaimanapun dalam lingkungan tertentu, syiar bukan Islam adalah lebih banyak berbanding dengan Islam. Sebagai contoh dalam Dewan Undangan Negeri Bandar Utama, Selangor, sepertimana yang dinyatakan dalam laman sesawang rasmi Dewan Selangor (2022), jumlah rumah ibadat bukan Islam adalah sebanyak 15 buah termasuk 6 buah tokong, 5 buah kuil dan 4 buah gereja berbanding 3 buah masjid yang merupakan rumah ibadat Islam. Menurut Mohd Faizal Abdul Khir (2019), secara khusus di Perak, dapatan kajian menunjukkan bahawa di Bandaraya Ipoh, nisbah aspek lahiriah yang bercanggah dengan Islam lebih tinggi daripada aspek lahiriah yang memperlihatkan Islam. Perbezaan ketara dapat dilihat dengan nisbah 29 : 5 bagi Laluan Lebu Raya Utara Selatan, 16 : 6 bagi Laluan Lebu Raya (Jalan Kuala Kangsar) – Bulatan Medan Kid dan 73 : 5 bagi Laluan Lebu Raya (Simpang Pulai) – Bulatan Medan Kid.

Manakala dalam kajian di Tanjung Malim pada semua laluan yang dikaji, nisbah aspek lawan nilai keislaman melampaui aspek keislaman. Berdasarkan lima laluan yang dikaji, didapati bahawa

nisbah 2 : 11 bagi Laluan dari Slim River ke Simpang Empat, 2 : 4 bagi Laluan dari Exit Tanjung Malim ke Simpang Empat, 2 : 8 bagi Laluan dari Simpang 4 ke Masjid Tanjung Malim, 0 : 8 Laluan dari Simpang 4 ke Behrang dan 6 : 22 bagi Laluan dari Jalan Besar ke Pusat Bandar Tanjung Malim. Secara keseluruhannya juga, nisbah aspek lawan nilai keislaman adalah melebihi aspek keislaman iaitu 53 : 12.

Sehubungan dengan itu, penelitian wajar dilakukan di tempat-tempat lain. Secara khusus bandar-bandar utama atau kawasan yang dijadikan sebagai pusat pelancongan perlu diberi tumpuan bagi melihat realiti seperti yang berlaku di Bandaraya Ipoh dan Pekan Tanjung Malim turut wujud di bandar-bandar atau kawasan pelancongan lain. Perkara ini amat penting kerana ia melambangkan identiti sesuatu tempat. Menurut Shamsul Amri Baharuddin dan Mohamad Fauzi Sukimi (2007) jika identiti nasional ditentukan berdasarkan bahasa, maka pembinaan atau kewujudan sesuatu bangunan atau institusi pula menjadi identiti atau simbol terhadap sesuatu tempat dan seni bina bangunan turut mencerminkan budaya masyarakat setempat.

Penentuan identiti sesebuah bandar sebagai bandar Islam bergantung kepada analisis simbol yang mendominasi landskap dan budaya masyarakatnya, khususnya melalui perbandingan peratusan nilai keislaman dan nilai yang bertentangan dengan syarak. Lambakan elemen seperti surau, masjid, institusi agama, perbankan Islam, takaful dan sebagainya mencerminkan dominasi imej Islam seterusnya boleh dikatakan bahawa bandar tersebut merupakan bandar yang mempunyai imej Islam. Manakala jika kehadiran tokong, kuil, gereja serta aktiviti seperti penjualan arak lebih dominan, ia akan mengurangkan peratusan nilai keislaman bandar tersebut. Hal ini selaras dengan pandangan Mohamad Hudaeri (2016) bahawa gambar, monumen dan tulisan berfungsi sebagai simbol yang membentuk nilai keagamaan. Mohd Azis Ngah (2019) turut menukilkan pandangan Zulkarnain Hassan berkaitan pembangunan semula Kampung Baru iaitu, “Ia dibina di kawasan khas dan imej Melayu Kampung Baru akan dikekalkan. Mesti ada bangunan unik melambangkan identiti Melayu,” yang menunjukkan bahawa kewujudan bangunan atau institusi tertentu menjadi simbol dan mencerminkan identiti sesuatu kawasan.

Kajian ini memberikan tumpuan kepada Bandar Kuantan yang merupakan salah satu destinasi pelancongan terkemuka di Malaysia. Ia bertujuan meneliti aspek-aspek utama bandar Kuantan sebagai sebuah perbandaran pelancongan dan seterusnya menganalisis aspek lahiriah berkaitan syiar Islam di bandar Kuantan dari dua sudut iaitu aspek lahiriah yang memperlihatkan nilai keislaman dan aspek lahiriah yang memperlihatkan lawan nilai keislaman. Dapatan kajian ini amat penting bagi pendakwah Islam yang perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan terhadap budaya masyarakat (Ibrahim, I., & Abdullah, B., 2025).

Kajian ditumpukan bagi jajaran laluan Bukit Pelindung sehingga Jambatan Tanjung Lumpur yang merupakan laluan utama di Kuantan. Dari sudut aspek penelitian, hanya perkara yang berbentuk lahiriah sahaja yang diberikan penekanan. Manakala perkara yang perlu diselidiki melalui proses yang lebih rapi seperti intipan tidak termasuk dalam kajian ini. Penelitian hanya melibatkan perkara yang dapat dilihat dengan pandangan mata kasar sepanjang laluan yang ditetapkan. Tempoh penelitian dilakukan bermula 1 Oktober 2024 sehingga 1 Oktober 2025.

## **Kuantan**

Kuantan terletak kira-kira 405 km dari Ipoh atau kira-kira 243 km dari Kuala Lumpur dan merupakan sebuah bandar yang penting dalam konteks Pahang secara khusus. Dikenali sebagai sebuah destinasi pelancongan yang popular, ia mempunyai penduduk yang pelbagai melebihi 43,000 orang. Menurut Z.Wenxin et al (2025) bahawa, bandar Kuantan merupakan bandar terbesar di Pantai Timur Semenanjung Malaysia memainkan peranan yang amat penting dalam pembangunan ekonomi bandar tersebut serta kedudukannya yang strategik seiring pertumbuhan pelbagai projek perindustrian yang pesat. Bahkan di dalam laman *Malaysiafact* (16 Jan 2026) turut menyatakan keindahan pantai di Bandaraya Kuantan yang memperlihatkan pertemuan antara sejarah dan kemodenan, pemeliharaan

kraftangan tradisional serta kepelbagaian gastronomi yang membolehkan pencinta makanan menikmati pelbagai hidangan terutama kawasan seperti Erya Suria Hot Spring Benting yang menunjukkan keunikan sumber alam semulajadi. Dengan jumlah pelancong yang mengunjungi tempat ini adalah sekitar 1,377,732 orang pada sepanjang tahun 2024 berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Tourism Pahang Malaysia (2024). Ia merupakan jumlah yang besar jika dibandingkan dengan Genting Highlands seramai 8,616,838, Kuantan seramai 2,214,195, Temerloh seramai 286,036 dan Pulau Tioman seramai 211,564. Data jumlah pelancong menunjukkan peluang bagi mempamerkan Islam dari sudut aspek lahiriah syiar Islam amat penting sepertimana yang dinyatakan dalam Engku et al. (2024) pelancongan dapat menekankan konsep Islam berkaitan kepekaan budaya dan kelestarian dalam menjaga alam sekitar termasuk konsep menghormati manusia.

Dari perspektif pentadbiran, Bandaraya Kuantan memainkan peranan penting sebagai pusat pentadbiran utama Negeri Pahang. Penubuhan pentadbiran daerah Kuantan bermula sejak era penjajahan British apabila kawasan ini dipilih sebagai pusat pentadbiran baharu menggantikan Pekan, berikutan kedudukannya yang strategik serta kemudahan perhubungan dan perdagangan yang lebih baik. Pada peringkat awal, pentadbiran daerah Kuantan diletakkan di bawah struktur pentadbiran kolonial dengan Pegawai Daerah yang bertanggungjawab mengurus hal ehwal pentadbiran, tanah dan pembangunan setempat. Seiring dengan perkembangan semasa, Pentadbiran Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan turut melalui proses penyusunan semula selaras dengan pelaksanaan Program Penyusunan Semula Struktur Organisasi Pejabat Daerah dan Tanah di seluruh Negeri Pahang pada sekitar tahun 1994 hingga 1995. Data yang diperolehi mengenai kriteria Bandar Kuantan menunjukkan adanya keperluan dalam menjalankan kajian bagi melihat nilai syiar Islam dan lawan nilai syiar bukan Islam di bandar tersebut.

## METODOLOGI

Penulisan ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif untuk mencapai objektif yang ditetapkan. Bagi tujuan pengumpulan data, kajian ini mengaplikasikan dengan semaksimanya metode kepustakaan. Ia merupakan teknik mendapatkan data dan bukti melalui kajian terhadap dokumen dan rekod (Abu Bakar, 1987). Surachmad (1970) menegaskan bahawa perpustakaan diakui umum sebagai sumber utama bagi setiap penyelidikan.

Metode dokumentasi turut diaplikasikan dalam proses pengumpulan data. Sebahagian pengkaji menyamakan metode ini dengan metode sejarah atau historis disebabkan persamaan sumber keduanya iaitu berdasarkan dokumen-dokumen (Surachmad, 1970). Namun begitu, metode ini mempunyai pengertian yang tersendiri yang berlainan daripada metode sejarah iaitu satu kaedah pengumpulan data dilakukan terhadap bahan-bahan penulisan yang mengandungi maklumat-maklumat tentang fenomena yang hendak dikaji (D. Bailey, 1994).

Metode observasi merupakan metode utama pengumpulan data dalam penyelidikan ini. Ia adalah cara pengumpulan data berasaskan pemerhatian. Menurut Sabitha Marican (2005) bahawa, ia merupakan satu cara pengumpulan data tanpa melibatkan komunikasi secara langsung dengan responden. Zikmund, et al. (2010) menjelaskan bahawa, fenomena yang boleh diperhatikan adalah tingkah laku fizikal, tingkah laku verbal, tingkah laku ekspresi (contoh: muka), ruang hubungan serta lokasi, corak tempoh, objek fizikal, rekod verbal dan gambar. Sabitha Marican (2005) menegaskan bahawa data yang diperolehi dengan cara ini selalunya adalah lebih tinggi kebolehpercayaannya. Pada tahap aplikasi, observasi dilakukan terhadap aspek lahiriah terhadap Bandar Kuantan yang selaras dan bertentangan dengan syiar Islam. Data yang dikumpul disusun mengikut koordinat dari Bukit Pelindung ke Jambatan Tanjung Lumpur seperti dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Pemerhatian Terhadap Lahiriah Bandar Kuantan Berdasarkan Laluan dari Bukit Pelindung ke Jambatan Tanjung Lumpur

Koordinat	Tempat / Isu
-----------	--------------

3.831354263288493, 103.34481113944119	Pusat perjudian (1)
3.8308091463590084, 103.34414290038308	Institusi kewangan bukan Islam (4)
3.829258912740999, 103.3416372213636	Institusi kewangan bukan Islam (5)
3.826540900344561, 103.33718647112653	Institusi kewangan bukan Islam (9)
3.824987300204201, 103.33532289754886	Institusi kewangan bukan Islam (10)
3.824987300204201, 103.33532289754886	Institusi kewangan bukan Islam (11)
3.82723494171692, 103.33882133557519	Institusi kewangan Islam (1)
3.826618504772642, 103.33752984882561	Institusi kewangan Islam (2)
3.815101667482843, 103.32833010339985	Institusi kewangan Islam (3)
3.8288497771140286, 103.34186916140386	Institusi perbankan Islam (1)
3.8294067288661733, 103.34163471830824	Institusi perbankan riba (3)
3.8288497771140286, 103.34186916140386	Institusi perbankan riba (2)
3.8265884034152817, 103.33744329263462	Institusi perbankan riba (5)
3.828558129502379, 103.34140671007954	Pusat perjudian (2)
3.8146101028823076, 103.32864257410985	Pusat perjudian (3)
3.8366591801528873, 103.35167769659749	Tempat ibadat bukan Islam Buddha (1)
3.8366444716645445, 103.35143287543764	7 Eleven  Iklan penjualan arak (1) Promosi makanan haram (2)
3.833878840216412, 103.34932495731304	Iklan dan penjualan arak (1) Cherating Steak House  Promosi makanan haram (3)
3.834270594884006, 103.34891514748614	Iklan dan penjualan arak (3) Restoran Chuen Kee Seafood Garden
3.830057359664642, 103.34370194602826	Iklan dan penjualan arak (6)
3.8292734671165696, 103.34295010586162	Iklan dan penjualan arak (7)
3.8289893840836826, 103.34123410794292	Iklan dan penjualan arak (8)
3.828098594528048, 103.33998652550106	Iklan dan penjualan arak (9)
3.8276843859401266, 103.34036222020316	Iklan dan penjualan arak (10)
3.825260081386757, 103.33584363462599	Iklan dan penjualan arak (11)
3.8251736644055585, 103.33589376093171	Iklan dan penjualan arak (12)
3.825540744550334, 103.33543793707247	Iklan dan penjualan arak (13)
3.8249108864207084, 103.33523665887137	Iklan dan penjualan arak (14)
3.8246787984811434, 103.33473489715662	Jualan rokok tembakau (1)
3.8328322718927756, 103.34669363732019	Institusi perbankan riba (1)
3.8219460325882193, 103.33173559017797	Promosi makanan haram (2)
3.836278709350223, 103.35093270727917	Institusi kewangan bukan Islam (1)
3.828070332883385, 103.33993246922044	Institusi kewangan bukan Islam (6)
3.824487884903107, 103.33350760672252	Institusi kewangan bukan Islam (12)
3.8193175463657347, 103.33237750338985	Institusi kewangan bukan Islam (13)
3.8193175463657347, 103.33237750338985	Institusi kewangan bukan Islam (14)
3.818396572753521, 103.3317688718438	Institusi kewangan bukan Islam (15)
3.8169324398379882, 103.33089581921634	Institusi kewangan bukan Islam (16)
3.814130111244594, 103.33211406338613	Institusi kewangan bukan Islam (20)
3.83336245914321, 103.34789051209839	Tokong kecil Tempat ibadat bukan Islam Buddha (2)
3.831322105190436, 103.34525418597921	Tokong kecil Tempat ibadat bukan Islam Buddha (3)
3.834601322817232, 103.34949333977616	Iklan dan penjualan arak (2)
3.8317921800663175, 103.34632682662908	Iklan dan Penjualan arak (4)
3.8344708578523834, 103.34930692625332	Promosi makanan haram (1) Restoran Golden Spice
3.8353174590508794, 103.3497122117707	Institusi kewangan bukan Islam (2)
3.8317794311632465, 103.34530031183654	Institusi kewangan bukan Islam (3)
3.826764725467253, 103.33915310244468	Institusi kewangan bukan Islam (7)

3.8162434382918176,103.32984680979797	Institusi kewangan bukan Islam (17)
3.816131592748702, 103.32966376550429	Institusi kewangan bukan Islam (18)
3.81592268853397, 103.32941459161373	Institusi kewangan bukan Islam (19)
3.82733905138708, 103.33906844801706	Institusi kewangan bukan Islam (8)
3.8279148683840964,103.33978382532965	Institusi perbankan Islam (2)
3.8272745812790903,103.33988306706277	Institusi perbankan Islam (3)
3.826910854968134, 103.33942853457697	Institusi perbankan Islam (4)
3.816611677732517,103.33031735372276	Institusi perbankan Islam (5)
3.815801454930592, 103.3291752111276	Institusi perbankan Islam (6)
3.8272745812790903,103.33988306706277	Institusi perbankan riba (4)
3.8310361562293456,103.34483438187249	Tokong kecil Tempat ibadat bukan Islam Buddha (4)
3.812112316921114, 103.32868752596924	Tempat ibadat bukan Islam Kristian (1)
3.830418231958364, 103.34413871206687	Iklan dan penjualan arak (5)

Bagi tujuan analisis data beberapa metode diaplikasi. Antaranya metode induktif yang merupakan satu cara penganalisaan data dengan membuat kesimpulan daripada perkara-perkara yang bersifat khusus untuk sampai kepada satu kesimpulan yang bersifat umum. Babbie (1988) menerangkan bahawa “pemikiran induktif bergerak daripada yang tertentu kepada yang umum, daripada satu set pengamatan yang khusus kepada penerokaan tentang suatu bentuk yang mewakili sebahagian tahap atau kedudukan sesuatu cara.”

Selain itu, metode deduktif turut digunakan. Ia merupakan cara berfikir yang mencari rumusan dengan berdasarkan kepada dalil-dalil yang bersifat umum untuk sampai kepada dalil-dalil yang bersifat khusus. Babbie (1988) menerangkan tentang metode ini sebagai “bergerak daripada umum kepada khusus. Ianya bergerak daripada bentuk yang mungkin berlaku dari segi logik dan teori kepada pengamatan yang menguji sama ada bentuk yang dijangka itu benar-benar terjadi.”

Analisis tematik turut diaplikasikan iaitu suatu kaedah menganalisis data kualitatif dengan meneliti data secara mendalam bagi mengenal pasti tema umum – topik, idea dan corak makna yang sering berulang (Daniel Turner, 2019). Seperti yang dinyatakan oleh Virginia Braun dan Victoria Clarke, analisis tematik merangkumi enam langkah iaitu: pembiasaan dengan data, pengekodan data, penonjolan tema utama, penilaian semula tema, penentuan dan penamaan tema, serta penulisan laporan (Thomas Smith, 2020).

Data yang telah dikumpulkan melalui pemerhatian telah ditematikan kepada dua iaitu syiar dengan nilai keislaman dan syiar dengan nilai lawan keislaman. Nilai keislaman meliputi Surau, Masjid, Institusi Perbankan Islam dan Lambang Agama Islam. Manakala lawan nilai keislaman adalah Tempat Ibadat Bukan Islam Hindu, Tempat Ibadat Bukan Islam Hindu (Tokong Kecil), Tempat Ibadat Bukan Islam Buddha, Tempat Ibadat Bukan Islam Buddha (Tokong Kecil), Tempat Ibadat Bukan Islam Sikh, Tempat Ibadat Bukan Islam Kristian, Institusi Bukan Islam, Iklan dan Penjualan Arak, Promosi Makanan Haram, Institusi Kewangan Bukan Islam, Lambang Bukan Islam, Pusat Perjudian dan Institusi Perbankan Riba.

Kategori bagi nilai keislaman ditentukan berdasarkan kepada perkara yang melambangkan Islam dan perkara yang dibenarkan oleh syarak. Manakala nilai yang berlawanan dengan Islam ditentukan berasaskan kepada perkara yang melambangkan bukan Islam dan dilarang oleh syarak. Perkara yang melambangkan Islam adalah seperti surau, masjid, majlis agama Islam, perbankan Islam, sekolah agama Islam manakala perkara yang melambangkan bukan Islam pula seperti tokong, kuil, gereja, iklan yang melanggar hukum syarak dan penjualan arak, insuran konvensional, perbankan riba, pajak gadaai riba, dan pinjaman wang berlesan yang bersifat riba.

## Dapatan dan Perbincangan

Berdasarkan penelitian, aspek-aspek yang memperlihatkan keislaman adalah 4 jenis. Ia dapat dinyatakan seperti dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Aspek-aspek yang Memperlihatkan Keislaman

Bil	Perkara	Jumlah
1.	Institusi perbankan Islam	6 buah
2.	Institusi kewangan Islam	3 buah

Manakala aspek yang memperlihatkan lawan keislaman adalah 13 jenis. Ia dapat dinyatakan seperti dalam Jadual 3 di bawah:

Jadual 3: Aspek-aspek yang Memperlihatkan Lawan Keislaman

Bil	Perkara	Jumlah
1.	Tempat ibadat bukan Islam Kristian	1 buah
2.	Tempat Ibadat Bukan Islam Buddha	4 buah
3.	Penjualan rokok tembakau	1 buah
4.	Iklan dan Penjualan Arak	14 buah
5.	Promosi makanan haram	2 buah
6.	Institusi Kewangan Bukan Islam	20 buah
7.	Pusat Perjudian	3 buah
8.	Institusi Perbankan Ri	5 buah

Secara keseluruhannya nilai yang memperlihatkan keislaman adalah sebanyak 9 buah, manakala nilai yang memperlihatkan lawan keislaman adalah sebanyak 50 buah. Dilihat secara peratusan daripada keseluruhan item iaitu 59 buah, nilai yang memperlihatkan keislaman adalah sebanyak 15.2%, manakala nilai yang memperlihatkan lawan keislaman adalah sebanyak 84.7%. Gandaan nilai yang memperlihatkan lawan keislaman adalah melebihi nilai yang memperlihatkan keislaman dengan gandaan yang banyak.

Secara perbandingan, hanya terdapat 6 buah Institusi perbankan Islam dan 3 buah institusi kewangan Islam berbanding 1 buah tempat ibadat Kristian, 4 buah tempat ibadat bukan Islam. Secara perbandingan dari sudut luarannya, keadaan rumah ibadat Islam tidak kelihatan langsung manakala rumah ibadat bukan Islam yang dilihat tersergam indah di kedudukan yang strategik.

Bagi jalan masuk dari Bukit Pelindung, para pengunjung akan berjumpa beberapa syiar lawan Islam terlebih dahulu dan tidak terdapat sebarang masjid ataupun surau di sepanjang laluan ini di koordinat 3°50'04.2"N 103°20'59.7"E. Dapatan ini menunjukkan terdapat beberapa item yang tidak dikategorikan sebagai aspek yang memperlihatkan keislaman atau lawan nilai keislaman atas faktor keadaannya yang sukar diperjelaskan atau berubah-berubah dan peratus penjualan perkara haram adalah minima.

Dapatan ini adalah tidak selari dengan kedudukan Islam sebagai agama persekutuan di samping realiti penduduk Malaysia yang majoritinya adalah Islam. Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan menyatakan Perkara 3(1): Agama Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan. Oleh itu, sewajarnya syiar yang memperlihatkan nilai keislaman perlu diberikan penekanan.

### Rumusan dan Cadangan

Pemerhatian dilaksanakan meliputi jajaran daripada Bukit Pelindung ke Jambatan Tanjung Lumpur yang merupakan laluan utama di Bandar Kuantan. Ia memberi tumpuan berkaitan syiar yang memperlihatkan nilai keislaman dan lawan nilai keislaman bagi laluan tersebut. Laluan ini melibatkan jalan sejauh 5 kilometer. Dapat dirumuskan bagi laluan yang dikaji, nisbah aspek lawan nilai keislaman

adalah melebihi aspek keislaman dengan begitu signifikan. Dapatan ini adalah tidak selari dengan kedudukan Islam sebagai agama persekutuan di samping realiti penduduk Malaysia yang majoritinya adalah Islam. Antara perkara yang boleh dilaksanakan bagi meningkatkan syiar Islam adalah meletakkan item-item, monumen dan iklan yang menunjukkan keislaman seperti papan tanda dan mercu tanda di jalan utama bagi institusi-institusi berkaitan Islam seperti Pejabat Agama Islam Daerah Kuantan, masjid dan surau, pembinaan menara yang tinggi sebagai tanda bagi masjid dan surau. Dicadangkan juga pembinaan monumen Islamik berhampiran syiar bukan Islam yang setara. Selain dari itu, had dan batasan bagi tanda-tanda yang menunjukkan lawan keislaman seperti iklan dan penjualan arak perlu ditetapkan. Kajian lanjut boleh dilaksanakan dengan memperluaskan skop penelitian merangkumi keseluruhan kawasan Kuantan, Pahang. Kajian lanjut juga boleh dilaksanakan bagi menentukan pemberat kepada syiar Islam dan syiar bukan Islam sebagai kaedah pengukuran standard.

### **KONFLIK KEPENTINGAN**

Para penulis menjelaskan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan.

### **KESEDIAAN DATA DAN BAHAN**

Data yang menyokong penemuan kajian ini boleh diperoleh atas permintaan daripada koresponden.

### **PENYATAAN SUMBANGAN PENULIS**

Siti Hafizah Mohamad Nazeer (Metodologi dan Pemilihan data)  
Mohd Faizal Abdul Khir (Analisis data dan penulisan akhir)  
Mardhiah Ahmad Sahimi (Analisis format dan penulisan draf asal)  
Abdul Aziz Syed Ali (Pengumpulan data dan penulisan awal)  
Yusliha binti Mohd Yunus (Metodologi dan idea penulisan).

### **PENYATAAN ETIKA**

Tidak berkenaan.

### **PENGHARGAAN**

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penulisan kajian ini.

### **RUJUKAN**

- Abdullah bin Haji Ahmad Badawi. (2008). Islam Sebagai 'Rahmatan lil 'Alamin', *Jurnal Hadhari Edisi Khas*, 1: 1-8. Diambil daripada: [http://ii.islam.gov.my/majalah\\_jakim/JURNAL\\_HADHARI.pdf](http://ii.islam.gov.my/majalah_jakim/JURNAL_HADHARI.pdf)
- Abdullah Md Zin. (2013). Pendekatan Wasatiyyah: Definisi, Konsep dan Pelaksanaan, cet. 1, Putrajaya: Institut Wasatiyyah Malaysia, h.49. Diambil daripada: <http://iwm.jpm.gov.my/iwm/sites/default/files/Abdullah-BM.pdf>
- Ahmad Mahdzan Ayob. (1992). Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi, c. 2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Tarmizi Zakaria & Nurfatiha Puteri Mohamad Radzi. (t.t). *Agama-agama di Malaysia: TOKONG CINA DAN BUDDHA*, [PowerPoint Slides].

<https://maklumatkursus.wordpress.com/wp-content/uploads/2016/02/33-2-rumah-ibadat-tokong-buddha-dan-orang-cina.pdf>

- Ainun, J. (2023, 15 November). Cameron Highlands picked as one of top 51 most beautiful places in the world. Diambil Julai 24, 2024, daripada New Straits Times: <https://www.nst.com.my/news/nation/2023/11/978616/cameron-highlands-picked-one-top-51-most-beautiful-places-world>
- B. Krishnarao. (1961). *The Descriptive Method in Social Research*, t.j, 10: 46-52. Diakses daripada: <http://journals.sagepub.com/doi/10.1177/0038022919610204>.
- Baharuddin, S. A., & SUKIMI, M. F. B. (2007). Bandar sebagai cermin identiti bangsa: perbandingan awal antara Jakarta dan Kuala Lumpur. *Akademika*, 70(1), 3-19.
- Caitlin Morton & Kat Chen. (2025). *The 51 most beautiful places in the world*. Diambil pada 20 Julai 2025 dari <https://www.cntraveler.com/gallery/the-50-most-beautiful-places-in-the-world>
- Daniel Turner. (2019). [Themes, Codes and Buckets: What is Thematic Analysis \(TA\)? \(quirkos.com\)](https://www.quirkos.com/themes-codes-and-buckets-what-is-thematic-analysis-ta/)
- Department of Statistics Malaysia (DOSM) untuk Daerah Kuantan, Pahang, laman dilayari pada 16 Jan 2026: [https://v2.dosm.gov.my/uploads/release-content/file\\_20250709163508.pdf?utm](https://v2.dosm.gov.my/uploads/release-content/file_20250709163508.pdf?utm)
- Department of Statistics Malaysia. (2023). <https://open.dosm.gov.my/dashboard/kawasanku/Pahang/parlimen/P.078%20Cameron%20Highlands>. Diakses pada Februari 19, 2025.
- Dewang Negeri Selangor. (2022). <https://dewan.selangor.gov.my/question/masjid-kuil-dan-tokong-bawah-dun-bandar-utama/>.
- Dodiet Aditya. (2009). “Penelitian Deskriptif” (Nota Kuliah Metodologi Research, Poltkkes Surakarta). Diakses daripada: <https://adityasetyawan.files.wordpress.com/2009/10/penelitian-deskriptif1.pdf>.
- Earl Babbie. (1998). *The Basic of Social Research*, U.S.A.: Wadsworth Publishing Company.
- Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali, Muhammad Shahrul Ifwat Ishak, Ahmad Faizol Ismail, Mutia Sobihah Abd Halim & Zaharah Salwati Baba. (2024). Prinsip Pelancongan Berteraskan Komuniti Dari Perspektif Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kotemporari (JIM)*. Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin: ISSN 1985-7667. 25 Ogos 2024.
- Habannakah, ‘Abd al-Rahman. (2002). *Dawabit al-Ma‘rifah*, c.6, Damshiq: Dar al-Qalam.
- Haryanto Atmowardoyo. (2018). Research Methods in TEFL Studies: Descriptive Research, Case Study, Error Analysis, and R & D, *Journal of Language Teaching and Research*, 9: 197-204. Diakses daripada: [https://www.researchgate.net/publication/322193576\\_Research\\_Methods\\_in\\_TEFL\\_Studies\\_Descriptive\\_Research\\_Case\\_Study\\_Error\\_Analysis\\_and\\_R\\_D](https://www.researchgate.net/publication/322193576_Research_Methods_in_TEFL_Studies_Descriptive_Research_Case_Study_Error_Analysis_and_R_D).
- Hayati Ibrahim. (2017). “Pesta arak: MCA setuju batal”. *myMetro*. Diambil daripada: <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2017/09/265399/pesta-arak-mca-setuju-batal>.

- Hidayah Hairom. (2018). “Oktoberfest 2018: Malaysia jadi pusat aktiviti bebas”. *Sinar Online*. 11 Oktober. Diambil daripada: <http://www.sinarharian.com.my/nasional/oktoberfest-2018-malaysia-jadi-pusat-aktiviti-bebas-1.890500>.
- <https://mdcameron.gov.my/ms/pelawat/tempat-ibadat/masjid>  
<https://pdtchighlands.pahang.gov.my/profil-jabatan/latar-belakang>  
<https://www.cameronhighland.net/>  
[https://www.perak.gov.my/images/menu\\_utama/ms/kerajaan\\_negeri/data\\_UPEN/MyLocalStatsPerak/Daerah/Muallim/MLSMuallim2021.pdf](https://www.perak.gov.my/images/menu_utama/ms/kerajaan_negeri/data_UPEN/MyLocalStatsPerak/Daerah/Muallim/MLSMuallim2021.pdf)
- Hudaeri, M. (2016). MENENTANG SEKULARISME: Upaya Membentuk Kesalehan Subjek Muslim di Banten. *Jurnal THEOLOGIA*, 27(2), 305. <https://doi.org/10.21580/teo.2016.27.2.980>
- Ibrahim, I., & Abdullah, B. (2025). Developing Professional Preachers through Marahil al-Da‘wah: A Framework for Skill Enhancement. *Global Journal Al-Thaqafah*, 15(1), 115–124. <https://doi.org/10.7187/GJAT072025-8>
- Ismaiza Ismail et. al. (2001). *Ensiklopedia Global*, 12 j., ed. Terhad, Kuala Lumpur: SmartGenie.
- Majlis Agama Negeri Sarawak. (2014). Khutbah Jumaat (16/5/2014): Mengharmonikan Masyarakat. Diambil daripada: [http://emasjid.sarawaknet.gov.my/emasjid/khutbah.nsf/All/4A3CF3C35D96676348257CD8000BF6F6/\\$FILE/05.+Khutbah+Jumaat++16+Mei+2014+\(Mengharmonikan+Masyarakat\).pdf](http://emasjid.sarawaknet.gov.my/emasjid/khutbah.nsf/All/4A3CF3C35D96676348257CD8000BF6F6/$FILE/05.+Khutbah+Jumaat++16+Mei+2014+(Mengharmonikan+Masyarakat).pdf).
- Malaysiafact. 16 Jan 2026: [https://malaysiafact.com/things-to-do-in-kuantan-pahang-malaysia/?utm\\_source](https://malaysiafact.com/things-to-do-in-kuantan-pahang-malaysia/?utm_source)
- Mohamad Shahrizal Abd Ghafar. (2015). “Pengaruh Simbolisme Seni Bina pada Masjid. Kajian Kes Masjid Kristal Kuala Terengganu” (Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian Pengurusan Seni, Universiti Malaysia Sarawak, Sarawak). Diambil daripada: [https://ir.unimas.my/18426/1/Pengaruh%20simbolisme%20seni%20bina%20\(24pgs\).pdf](https://ir.unimas.my/18426/1/Pengaruh%20simbolisme%20seni%20bina%20(24pgs).pdf).
- Mohd Azis Ngah. (2019). Bandar Moden Simbol Kekuatan Kota. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/04/555541/bandar-moden-simbol-kekuatan-melayu-kota>
- Mohd Faizal Abdul Khir. (2019). Laporan Kajian Syiar Islam Dalam Konteks Perbandaran (Al-Imraniyyah) Majmuk: Suatu Pemerhatian Terhadap Lahiriah Bandaraya Ipoh.
- Mohd Faizal Abdul Khir. (2024). Laporan Kajian Syiar Islam Dalam Konteks Perbandaran (Al-Imraniyyah) Majmuk: Suatu Pemerhatian Terhadap Lahiriah Pekan Tanjung Malim, Perak.
- Mohd Izhar Ariff Mohd Hashim, Alias Azhar. (2010). Prinsip dan Model Negara Islam: Definisi dan Aplikasinya di Malaysia, *Journal of Governance and Development*, 6: 53-68. Diambil daripada: <http://repo.uum.edu.my/11924/1/16.pdf>.
- Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, et al. (2012). Penentuan Ciri Negara Islam Menurut Pemikiran Empat Mazhab Fiqah, *Jurnal Hadhari*, 4: 89-106. Diambil daripada: <http://journalarticle.ukm.my/5858/1/JD005961%2520Teks%25205.pdf>.

- Mohd Izwan Md Yusof, Saiful Azhar Saadon. (2015). “Peranan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam Menangani Isu Penagihan Dadah melalui Intervensi Kerohanian: Kajian Pelaksanaan Program 2011-2015” (Kertas kerja dibentangkan di International Drug Prevention And Rehabilitation Conference) 23-24 November, Kedah. Diambil daripada: <http://ddms.usim.edu.my/bitstream/123456789/14891/1/Bab%204%20Peranan%20Jabatan%20Kemajuan%20Islam%20Malaysia%20%28Jakim%29%20Dalam%20Menangani%20Isu.pdf>.
- Mohd Sheffie Abu Bakar. (1987). Metodologi Penyelidikan Untuk Ekonomi dan Bidang-bidang Berkaitan, Selangor: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Haniff Baderun, Zuliza Mohd Kusrin, (2013), Fungsi dan Bidang Kuasa Majlis Agama Islam, t.j. Diambil daripada: <http://ukmsyariah.org/terbitan/wp-content/uploads/2015/09/15-Muhammad-Haniff-Baderun.pdf>.
- Najidah Zakariya, Abu Dardaa Mohamad, t.t, Media sebagai Wasilah Dakwah, t.j. Diambil daripada: <http://journalarticle.ukm.my/6771/1/35-94-1-SM.pdf>.
- Nazri Muslim, Ahmad Hidayat Buang, (2012), Islam Dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perspektif Hubungan Etnik Di Malaysia, Jurnal Kemanusiaan, 10 (2) Universiti Teknologi Malaysia,ISSN:1675-1930, <https://jurnalkemanusiaan.utm.my/index.php/kemanusiaan/article/view/68>
- Noor Mohamad Syakil Hameed, (2016) “Pusat judi perosak masyarakat” Utusan Online, 2 November. Diambil daripada: <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/pusat-judi-perosak-masyarakat-1.402505>.
- Noor, K. A. M., & Yusoff, A. F. J. (2022). Status Patuh Syariah E-Money Akaun Jenama E-Wallet Popular Di Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 7(2), 11-18. <https://journalarticle.ukm.my/21863/1/Jusoh-Yusoff-Md-Noor-2022.pdf>.
- Rose Jacob, (2008), “Characteristics and Coping Patterns of Young Adult Prostitute Mothers in Kuala Lumpur, and Factors Contributing to Their Involvement” (Tesis Ph.D, Fakulti Pengajian Sains Sosial, Universiti Putra Malaysia, Selangor). Diambil daripada: [http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/5442/1/IPSS\\_2008\\_4a.pdf](http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/5442/1/IPSS_2008_4a.pdf).
- Sabitha Marican. (2005). Kaedah Penyelidikan Sains Sosial, Selangor: Prentice Hall.
- Sistem pengumpulan data dan maklumat rumah ibadat bukan Islam (RIBI) Pulau Pinang, h. 15. <https://eribi.gov.my/backend/files/booklet/file/bm.pdf>.
- Sulaiman Masri (2005), *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan*, K.L.: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- T.n, (t.t) “Culture and etiquette in Malaysia” Rough Guides, t.t. Diambil daripada: <https://www.roughguides.com/destinations/asia/malaysia/culture-etiquette/>
- Thomas Smith (2020) What Is A Thematic Analysis, And How To Do It?. [What Is A Thematic Analysis, And How To Do It? | Total Assignment Help](#)
- Tourism Pahang Malaysia. (2024). Statistik 2024. <file:///C:/Users/Micro/Downloads/Statistik%20Kedatangan%20Pelancong%20Ke%20Pahang>

[%20Mengikut%20Negara-2024.pdf](#). Dimuat turun pada Oktober 29, 2025, daripada <https://pkbf.gov.my/index.php/ms/sumber2/muat-turun/statistik>.

Winarno Surachmad. (1970). Pengantar Metodologi Ilmiah, c. 5, Bandung: CV Tarsito.

Zhai. Wenxin, S. Misbari, S.I. Doh (2025), Urbanization and Land Surface Temperature in Kuantan: A Geographic Information Systems-Based Analysis of Urban Heat Island Dynamics, Journal of UMP, Vol:5, issue 1, page 113-122, E-ISSN: 2785-8731, <https://journal.ump.edu.my/construction/article/view/12110/3645>.

Zikmund, et .al. (2010). Business Research Methods, Canada: South-Western Cengage Learning.